# Tatabahasa FYH 2024 [ SA, KL & JB]

## Kata Nama Ganti Diri

1. [ Baginda   Beliau   Hamba   Dia ] dan permaisuri akan berangkat ke Taman Lekiu untuk melawat mangsa-mangsa banjir.

2. "[ Kami   Kita   Anda   Mereka ] harus menjaga kebersihan dan keindahan taman ini," kata ketua kampung kepada semua penduduk.

3. "[ Patik | Hamba | Beta | Baginda ] mahu rakyat di negara ini hidup dalam suasana yang aman dan sejahtera," titah Sultan Azlan.

4. "Ali dan Ahmad ada di kantin. [ Kalian | Kita | Kami | Mereka ] sedang menunggu kamu di sana," kata Aminah kepada Siti.

5. "[ Mereka | Kami | Kita | Awak ] haruslah berlatih dengan bersungguh-sungguh agar dapat memenangi perlawanan bola sepak ini," kata ketua pasukan bola sepak itu.

6. Walaupun Cikgu Amir agak tegas orangnya, tetapi [ beta | nya | mereka | beliau ] juga seorang guru yang penyayang.

## Penjodoh Bilangan

7. Azhar mengakhiri ucapan dengan se[ rangkap | patah | bentuk | pucuk ] pantun.

8. Ibu membeli tujuh [ utas | tongkol | papan | urat ] petai di pasar pagi untuk memasak sambal tumis peta .

9. Bapa saya mahu membeli se[ buah | pasang | bungkus | kaki ] kasut sukan sebagai hadiah hari jadi kepada anak lelakinya.

10. Mak Farhana melihat beberapa [ kaki | jambak | keping | cubit ] cendawan hidup di atas pokok getah yang telah reput.

11. Pelajar-pelajar kelas 3A sedang menampal lima [ keping | bidang | naskhah | buah ] poster pada papan kenyataan di kelas mereka.

12. Se[ pasukan | kawan | baris | angkatan ] lembu peliharaan Pak Cik Ahmad sedang meragut rumput di padang ragut.

## Kata Bilangan

13. Pelajar-pelajar pulang ke khemah [ tiap-tiap | masing-masing | berbagai-baga | para-para ] selepas tamat acara perbarisan.

14. Sudah dua jam [ setengah | sesetengah | tengah | setengah-tengah ] saya menunggu Li Tong di perhentian bas itu.

LIVEWORKSHEETS

15. Permainan congkak diminati oleh [ setengah | setengah-tengah | sesetengah | tengah ] orang sahaja.

16. Pak Ali berasa gembira kerana isterinya telah selamat melahirkan cahaya mata yang [ kelima | lima | kelima-lima | lima-lima ].

17. [ Kedua | Berdua-dua | Kedua-dua | Dua-dua ] orang pemain bola keranjang itu kakak saya.

18. [ Segala | Sekalian | Segelintir | Seluruh ] kawasan ini akan dibangunkan tidak lama lagi," kata wakil rakyat itu.

## Kata Seru

19. [ Aduh | Wah | Nah | Oh ], rupa-rupanya Daniel yang mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan baru-baru ini!

20. "[ Wah | Aduh | Nah | Ah ], ambil balik duit engkau ini!" kata Chong kepada kawannya.

21. [ Amboi | Oh | Nah | Aduhai ], rupa-rupanya Hasnah yang dilantik menjadi ketua kelas!

22. "[ Eh | Ah | Nah | Wah ], ambillah wang ini untuk membeli buku-bulcur!" Kata Pak Samad kepada anaknya.

23. "[ Oh | Eh | Ah | Hai ], rupa-rupanya anda baru beli kereta baharu ini!" kata Lim kepada adilcnya.

24. [ Cis | Nah | Aduh | Hai ], ambillah buku komik yang kamu mahu!

## Kata Hubung

25. Pertandingan bola sepak akan diteruskan [ sebelum | agar | sementara | sekiranya ] hari tidak hujan.

26. [ Semasa | Sejak | Apabila | Ketika ] dia berpindah rumah, perangainya sudah berubah kerana dia tidak suka bergaul dengan sesiapapun.

27. Adik saya rajin membaca buku [ kerana | supaya | bahawa | jikalau ] lulus dalam peperiksaan akhir tahun.

28. Abang berjanji akan membeli komik itu untuk saya [ tetapi | kecuali | jika | sementara ] dia mempunyai wang yang mencukupi.

29. Saya telah lulus dalam ujian memandu kereta [ tetapi | kerana | untuk | sambil ] adik lelaki saya gagal.

30. "Jangan lekas percaya akan janjinya, entah betul [ semakin | mungkin | entah | atau ] tidak," kata ibu kepada abang.

LIVEWORKSHEETS

## Kata Arah

31. Jasmi tidak dapat mendengar ceramah itu dengan jelas kerana dia duduk di barisan yang paling [ atas | tepi | belakang | hadapan ].

32. Orang-orang itu dipacakkan di [ hadapan | tengah | belakang | sisi ] sawah untuk menghalau burung.

33. Dia menyorokkan dompet itu di [ tepi | kanan | bawah | atas ] bantal supaya tidak ditemukan oleh sesiapa.

34. Kedai runcit itu terletak di [ antara | hadapan | hujung | sudut ] Klinik Gigi Lim dengan Kedai Gunting Silva.

35. Para pendaki itu sampai di [ sisi | sudut | antara | puncak ] gunung ketika hari sudah lewat malam.

36. Suhaimi dan Adi duduk di [ atas | tepi | samping | dalam ] tali air itu sambil berbual-bual.

## Kata Sendi Nama

37. Potret keluarga itu digantung [ ke | pada | kepada | dengan ] dinding bersebelahan dengan bilik ibu.

38. Pembinaan pusat beli-belah itu sudah terbengkalai [ dari | sejak | hingga | sampai ] tiga tahun yang lalu.

39. Lebih baik kita bercucuk tanam [ dari | dengan | kepada | daripada ] membiarkan tanah itu ditumbuhi lalang.

40. Kami perlu merentas beberapa anak sungai [ kepada | tentang | untuk | dengan ] sampai ke puncak gunung ini.

41. Ayah menunggu kepulangan abang [ daripada | dari | di | ke ] luar negara di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur.

42. [ Kepada | Di | Pada | Daripada ] masa itu Azizul sedang menghadiri aktiviti kokurikulum di padang sekolah.

## Kata Nama/Kerja Berimbuhan

43. [ Jurutera | Jururawat | Wartawan | Sasterawan ] itu sedang menemu ramah pelumba yang memenangi pingat emas itu.

44. [ Ketepatan | Kebaikan | Kecekapan | Kepandaian ] polis menangkap penjenayah itu mendapat pujian.

LIVEWORKSHEETS

45. Bangunan tinggi [ pencerah | pencakar | pelengkap | pendakap ] langit itu milik Tan Sri Vincent.

46. Semua mangsa [ terjunan | letusan | runtuhan | letupan ] bangunan itu telah ditemukan oleh pihak bomba.

47. Beliau dianggap [ sejarawan | negarawan | budayawan | sasterawan ] yang ulung kerana telah memberikan sumbangan yang besar dalam kemerdekaan negara.

48. [ Perlawanan | Persembahan | Pertentangan | Perbalahan ] bola sepak itu sudah bermula.

49. Beberapa orang murid lelaki dikenakan hukuman [ tatacara | tatatertib | tatasusila | tataetika ] sebagai akibat perbuatan mereka merosakkan tandas.

50. Lori itu terbalik kerana membawa [ muatan | bekalan | ambilan | ruangan ] yang berlebihan.

51. Pemergiannya merupakan suatu [ ketiadaan | kelenyapan | kehilangan | kekurangan ] besar kepada syarikat itu.

## Kata Bantu

52. Kerja-kerja membangunkan kawasan taman sains itu [ telah | mesti | masih | akan ] siap sebulan yang lalu.

53. Walaupun baru berusia tiga tahun, adik Hariz sangat [ petah | mahir | pantas | tenang ] bercakap.

54. Walaupun suis sudah ditutup, alat perakam itu [ masih | belum | pernah | hendak ] berfungsi.

55. Abang Johari [ mahu | boleh | hendak | pernah ] mengikuti kursus jangka pendek dalam bidang multimedia beberapa bulan yang lalu.

## Kata Kerja

56. Kereta itu terbabas lalu [ menyerang | melanda | merempuh | memukul ] sebuah bangsal.

57. Penduduk di kawasan setinggan itu telah [ diubahkan | ditukarkan | diagihkan | dipindahkan ] ke kawasan perumahan baharu yang terletak di pinggir bandar.

58. Puan Sarina [ merata | menguli | melumur | menggaul ] doh karipap sebelum mencanainya.

## Kata Adjektif

59. Kami dapat melihat ikan-ikan berenang di dalam kolam yang [ bersih | jernih | keruh | terang ] itu.

60. Budak perempuan yang comel itu mempunyai bulu mata yang [ lengkung | lendut | lentik | leper ].

LIVEWORKSHEETS